

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli Festival Tari Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM) 2012 apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Penari universiti itu menumpaskan 16 penyertaan lain.

Kemenangan membolehkan UPM membawa pulang Piala Pusingan Festival Tari MAKUM, piala iringan, wang tunai RM3,000 dan sijil penyertaan.

Selain dinobatkan juara keseluruhan, UPM turut memenangi hadiah kumpulan terbaik dan pakaian terbaik bagi kategori Tarian Asli yang menawarkan hadiah wang tunai RM500 dan piala iringan.

Tarian Asli

Pereka Tari Terbaik bagi kategori Tarian Asli dimenangi oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Tempat kedua keseluruhan disandang Universiti Malaya (UM) manakala tempat ketiga menjadi milik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Kedua-dua pasukan membawa pulang hadiah wang tunai masing-masing RM2,000 dan RM1,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Penari UPM terbaik

Tarian Kreatif

Penari tuan rumah, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diumumkan sebagai pemenang bagi kategori Pakaian Terbaik dan Pereka Tari Terbaik bagi Tarian Kreatif.

Hadiah disampaikan oleh Pengerusi MAKUM,

Prof Madya Fadzil Abdul Rahman.

Tetamu yang hadir ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Datuk Yazid Mat dan Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Razli Ahmad.

Festival Tari MAKUM 2012 bertujuan memastikan seni tari tradisional terus dipertahankan.

Acara itu juga dapat mencipta idea baru di samping mencungkil bakat baru di kalangan mahasiswa.

UM turut dinobatkan sebagai Kumpulan Terbaik Tarian Kreatif yang membolehkan pasukan itu memenangi RM500 dan piala iringan.



Peserta Festival Tari MAKUM 2012.

INFO

Keputusan Festival Tari MAKUM 2012

- ◎ **Tarian Kreatif**
 - Kumpulan Terbaik**
 - ◎ Universiti Malaya (UM)
 - Pakaian Terbaik**
 - ◎ Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
 - Pereka Tari Terbaik**
 - ◎ UniMAP

- ◎ **Tarian Asli**
 - Kumpulan Terbaik**
 - ◎ Universiti Putra Malaysia (UPM)
 - Pakaian Terbaik**
 - ◎ UPM
 - Pereka Tari Terbaik**
 - ◎ Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

- ◎ **Johan:** UPM
- ◎ **Naib Johan:** UM
- ◎ **Ketiga:** Universiti Malaysia Sarawak
- ◎ **Keempat:** UPSI
- ◎ **Kelima:** UniMAP